



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/2/2013



Najib, Rosmah bersama Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah **menggaul yee sang sepanjang 977 meter** pada Festival Tahun Baru Cina 2013 dan Yee Sang Terpanjang di Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]

BH-18/2/2013

'Kejayaan Malaysia hasil dasar integrasi kaum'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata, kejayaan dinikmati Malaysia adalah hasil dasar integrasi kaum yang dilaksanakan kerajaan sejak mencapai kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, konsep integrasi yang dilaksanakan pemimpin terdahulu adalah jalan yang unik menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Selain itu, kerajaan membenarkan kumpulan etnik menikmati budaya mereka tanpa halangan," katanya ketika pada Festival Tahun Baru Cina 2013 dan Yee Sang Terpanjang

di Malaysia di sini, semalam.

Turut hadir, isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta anggota Kabinet.

Najib berkata, selain China, Malaysia adalah satu-satu negara di dunia yang bukan saja membenarkan penubuhan sekolah vernakular Cina, malah, kerajaan memberi peruntukan bagi menjayakan sekolah aliran berkenaan.

Beliau berkata, komuniti perniagaan Cina turut meraih nikmat dasar kerajaan se-

lama ini dan memperoleh kejayaan dalam bidang masing-masing.

"Kejayaan dinikmati hari ini adalah ketabahan mengatasi segala cabaran termasuk krisis kewangan. Kita ingat siapa Menteri Kewangan ketika itu, ekonomi hampir musnah tetapi mujur ada Dr Mahathir menyelamatkan kita," katanya.

Dalam pada itu, Najib membidas pakatan pembangkang yang disifatkan sebagai kerjasama caca-marba tanpa mempunyai hala tuju perjuangan jelas.